

06/06/2005

Mahathir-Acara

PENGANJURAN ACARA SUKAN BAIK UNTUK M'SIA, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 6 Jun (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad berkata penganjuran acara bertaraf antarabangsa seperti Formula One (F1) dan perlumbaan basikal Le Tour de Langkawi (LTdL) telah menghasilkan pendapatan besar kepada negara selain berjaya menarik lebih ramai pelawat ke Malaysia.

Bekas Perdana Menteri itu berkata kerajaan telah membuat keputusan yang tepat dengan membenarkan pertandingan yang menarik ramai pengunjung diadakan di Malaysia.

"LTdL yang mengetengahkan Malaysia, disiarkan oleh banyak stesen televisyen antarabangsa di seluruh dunia. Itu sahaja menyumbang nilai yang tinggi kepada negara," katanya selepas dianugerahkan Anugerah Merit Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI) kerana sokongan padu beliau kepada acara-acara berbasikal ketika memimpin negara.

Dr Mahathir berkata manfaatnya sangat besar, sehingga bekas perdana menteri sebuah negara mengakui kesilapannya kerana tidak membina litar FI di negaranya.

Mengenai LTdL, Dr Mahathir berkata pada mulanya ia bertujuan membawa para peserta melalui laluan berpandangan indah di pulau legenda Langkawi yang kemudiannya berkembang untuk meliputi kawasan lain di negara ini.

"Dan saya harap penganjur LTdL tidak melupakan Langkawi, seperti yang berlaku sebelum ini," katanya.

Anugerah UCI diberikan kepada Dr Mahathir sebagai memperakui sumbangan beliau yang telah meletakkan Malaysia pada peta dunia bagi acara berbasikal antarabangsa utama.

Ia termasuk Kejohanan Berbasikal Dunia pada 1997, Kejohanan Trek Piala Dunia 2000-2001 dan perlumbaan-perlumbaan LTdL.

-- BERNAMA

MAM LAT